

Penduduk rimas lebih setahun anjing liar bertamu

BATU CAVES: Penduduk di Jalan Nakhoda Kiri 2, Kampung Nakhoda, di sini, bimbang apabila masalah anjing liar yang mengganggu ketenteraman mereka hampir setahun lebih itu tidak menemui jalan penamat.

Walaupun Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menangkap anjing liar di kawasan terbabit ketika dulu, ia seperti tidak mendatangkan ketakutan kepada binatang berkenaan, sebaliknya semakin hari semakin bertambah.

Suri rumah Normah Darus, 64, berkata kumpulan anjing liar yang terdiri daripada tujuh hingga lapan ekor itu berkeliaran di sepanjang jalan berkenaan jam 5 pagi dan berterusan hingga hampir 8 pagi.

Menurutnya, penghuni 30 rumah di situ bimbang kerana kebiasaannya anak-anak mereka sudah mula keluar rumah untuk ke sekolah.

“Anjing itu mengganggu kanak-kanak dengan mengejar mereka sama ada yang berjalan atau pun menaiki



TUMPUAN...antara rumah terbiar yang menjadi persinggahan anjing liar di Jalan Nakhoda Kiri 2, Kampung Nakhoda, Batu Caves.

basikal.

“Pernah terjadi, akibat ketakutan, seorang kanak-kanak memecut basikalnya, akibatnya mangsa terpelan-

ting dan jatuh tersembam ke jalan tar,” katanya.

Normah berkata, sehingga kini mereka tidak tahu dari mana datangnya kumpulan

anjing berkenaan dan ke mana mereka menghilang selepas beberapa jam berkeliaran di kawasan perumahan itu sebelum datang semula keesokan harinya.

Bagaimanapun, katanya, kadangkala anjing liar itu menumpang tidur di beberapa rumah kosong terbiar di situ atau di hadapan pintu pagar rumah penduduk.

Sementara itu, menantu Normah dikenali sebagai Ana, 30, berkata dia tidak selesa apabila melihat kumpulan anjing berkenaan merayap di kawasan itu.

“Saya risau apabila melihat kanak-kanak dikejar, apatah lagi kasihan pada penduduk di sini yang tidak bebas keluar rumah dan bersiar-siar di sekitar kawasan rumah sendiri,” katanya.

Ana bagaimanapun, berharap pihak berkuasa tempatan (PBT) meneruskan usaha menangkap anjing liar lebih kerap di kawasan perumahan bagi mengelakkan perkara lebih teruk berlaku pada masa akan datang.